

25 JUN 2002

Mahathir-Reaksi (Umno)

BADAN PERHUBUNGAN UMNO NEGERI-NEGERI SOKONG KEPUTUSAN MT

KUALA LUMPUR, 25 Jun (Bernama) -- Kesemua Badan Perhubungan Umno negeri hari ini sebulat suara menyatakan penghargaan mereka di atas keputusan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk bersara dari semua jawatan selepas sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) pada tahun depan.

Mereka juga memberi sokongan sepenuhnya kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk menjalankan tugas sebagai pemangku presiden parti pada waktu-waktu tertentu dalam masa peralihan itu.

Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohamed Isa Samad yang mewakili kesemua pengerusi badan perhubungan Umno negeri berkata "tidak akan timbul sebarang keraguan" dalam peralihan kuasa itu.

Beliau berkata semua pengerusi badan perhubungan negeri akan serta merta menjalankan tugas memberi penerangan dan penjelasan kepada anggota parti di semua peringkat bagi memastikan tiada kekeliruan timbul.

Semasa bercakap pada sidang media bersama pengerusi-pengerusi badan perhubungan Umno negeri, Mohamed Isa berkata keputusan itu dicapai pada mesyuarat khas pengerusi badan-badan perhubungan Umno negeri yang diadakan sebelum mesyuarat Majlis Tertinggi Umno diadakan hari ini.

Mereka yang hadir ialah Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain (Kedah), Datuk Seri Mohamed Tajol Rosli Ghazali (Perak), Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo (Selangor), Datuk Abdul Ghani Othman (Johor), Datuk Seri Adnan Yaakob (Pahang) dan Datuk Seri Mohamed Ali Rustam (Melaka).

Sementara itu, Ketua Penaja Puteri Umno Azalina Osman Said berkata Puteri menerima keputusan yang diambil itu dan akan bekerjasama untuk memastikan peralihan kepimpinan negara berjalan dengan licin.

"Sebagai anggota parti kami menerima arahan dengan baik dan apa yang telah diputuskan itu adalah demi kebaikan parti," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata tumpuan utama parti itu kini ialah pilihan raya kecil di Kedah kerana menurutnya sudah tiada banyak masa lagi.

Pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Anak Bukit dan Parlimen Pendang akan diadakan berikutan kematian wakil rakyat kedua-dua kawasan itu, Datuk Fadzil Noor, yang juga Presiden PAS pada Ahad lepas.

Ketua Umno Bahagian Gua Musang Tengku Razaleigh Hamzah pula berasa sedih dengan keputusan Dr Mahathir mengundur diri tetapi secara peribadi menghormati keputusan itu setelah Perdana Menteri banyak menabur jasa serta sudah lama berkhidmat untuk negara.

Katanya, masyarakat sudah tentu akan merasai kehilangan Dr Mahathir yang telah memimpin negara selama 21 tahun tetapi perlu menerima hakikat peletakan jawatan itu.

"Hakikatnya satu hari orang kena berhenti daripada kerja, kita sayang dekat dia mahu dia terus bekerja tetapi dia sudah buat keputusan, itu satu pengorbanan.

"Kalau dia duduk lagi, soal kredibiliti dia pula, pasal dia sudah umum dia hendak berundur," katanya yang menafikan soalan bahawa Dr Mahathir mahu melantiknya memegang jawatan tertentu.

Katanya, Dr Mahathir juga sanggup melayan permintaan perwakilan pada Perhimpunan Agung Umno baru-baru ini untuk terus memegang jawatannya yang dianggap sebagai pengorbanan kepada rakyat.

Sementara itu, Ketua Penerangan Umno Tan Sri Megat Junid Megat Ayob berkata keputusan Dr Mahathir untuk bersara adalah kerana beliau pasti Abdullah yang telah memegang jawatan sebagai timbalannya selama empat tahun

"sudah cukup masak" untuk mengambil alih tugasnya memimpin negara.

Selain itu, sebagai seorang datuk kepada 15 orang cucu, Dr Mahathir juga memerlukan masa untuk bersama keluarga di samping untuk beribadat dan menulis buku, katanya.

Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Azmi Khalid berkata tidak berlaku sebarang undi tidak percaya terhadap pelantikan Abdullah sebagai pengganti Dr Mahathir kerana ia dipersetujui sebulat suara oleh semua anggota MT.

Beliau berkata semua anggota MT telah diberikan peluang menyatakan pendirian masing-masing terhadap peralihan kuasa itu dan sebulat suara menyokong serta menyatakan keyakinan terhadap kepimpinan Abdullah.

Ditanya sama ada anggota Umno akan menerima perkara itu, Azmi berkata: "Dalam Umno apabila pihak kepimpinan telah menerima sesuatu keputusan ia akan dapat diterima oleh anggota parti di peringkat akar umbi."

Ketua Perhubungan Umno Kelantan Datuk Mustapa Mohamed berkata beliau merasa lega kerana proses peralihan kuasa kepimpinan negara berlaku secara tersusun dan teratur dan ini akan banyak membantu usaha Umno Kelantan merampas kembali kepimpinan kerajaan negeri daripada PAS pada pilihan raya akan datang.

"Yang penting ialah adanya kesinambungan terhadap dasar-dasar parti yang telah dipersetujui bersama," katanya.

Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohamed Ali Rustam berkata Dr Mahathir sendiri telah menamakan Abdullah sebagai penggantinya untuk memimpin Umno dan kerajaan dan semua pihak harus menghormati keputusan itu.

Beliau yakin anggota Umno serta rakyat secara keseluruhannya akan terus memberi sokongan padu kepada Abdullah bagi menggantikan tempat Dr Mahathir.

Anggota MT Datuk Jamaluddin Jarjis pula berkata tempoh peralihan itu membuktikan bahawa Dr Mahathir meletakkan kepentingan parti dan negara melebihi kepentingan peribadinya.

Beliau berkata ini juga membuktikan bahawa politik di Malaysia adalah matang dengan peralihan kuasa berlaku dalam suasana aman dan tenteram berbanding keadaan huru-hara yang berlaku di sesetengah negara lain.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir pula berkata mesyuarat MT berjalan dalam suasana baik dan semua pihak bersetuju dengan formula peralihan kuasa yang dicadangkan oleh Dr Mahathir.

Anggota MT Datuk Dr Yusof Noor pula berkata semua anggota parti harus menerima dan menghormati hasrat Dr Mahathir untuk bersara daripada memegang jawatan dalam parti dan kerajaan.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo berkata pelantikan Abdullah sebagai bakal Perdana Menteri memberi gambaran yang jelas mengenai peralihan kuasa kepimpinan negara.

"Ini diharap tidak akan membawa kepada kepincangan ekonomi dan ketidakstabilan negara di masa akan datang tetapi sebaliknya memberi kekuatan kepada kerajaan untuk terus membangunkan negara," katanya.

Anggota MT Datuk Annuar Musa pula menerima keputusan Dr Mahathir melepaskan jawatannya walaupun berasa sangat sedih.

"Tetapi kita hormati keputusannya dan semua anggota MT bersetuju dan tiada sebarang perbezaan pendapat mengenai Datuk Seri Abdullah sebagai penggantinya," katanya.

-- BERNAMA

AKT RZS AHH RHM